

Kamus kompetensi bahasa Melayu

UMP terbit kamus kompetensi bahasa Melayu pertama di Malaysia

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah tersendiri apabila berjaya menerbitkan kamus kompetensi pertama di negara ini melalui kerjasama Penerbit UMP dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi Malaysia (AKEPT).

Kamus yang dilancarkan pada minggu lalu itu sebahagian daripada inisiatif Inspirasi Magnum Opus (Maha Karya), iaitu strategi penerbitan ber-

impak tinggi yang berupaya memberi perubahan kepada komuniti dan negara.

Kamus berjudul 'Kamus Kompetensi AKEPT-UMP' itu mengambil masa hampir dua tahun untuk diterbitkan.

Pengarah Penerbit UMP, Muhammad Azli Shukri berkata, kamus itu merupakan kamus kompetensi pertama di negara ini yang diterbitkan dalam bahasa Melayu.

Menurutnya, antara keistimewaan kamus itu termasuk mengandungi 21 kluster kompetensi fungsian, 212 entri kompetensi yang terdiri daripada kompetensi teras dan fungsian, penerangan dan panduan yang jelas dan mudah serta sebagai rujukan dalam proses memprofil dan penilaian kompetensi.

"Selain itu ia turut merangkumi kompetensi umum untuk semua keluarga pekerjaan melibatkan kemahiran, pe-



Dr Mahadzir (kiri) dan Muhammad Azli bersama barisan penulis Kamus Kompetensi AKEPT-UMP dalam Majlis Suara UMP Sirri ke-6 anjuran Penerbit UMP di Kampus Pekan, baru-baru ini.

ngetahuan dan kebolehan dalam sesebuah universiti atau agensi," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Muhammad Azli berkata,

sempena Majlis Aspirasi Suara UMP Sirri ke-6 pada minggu lalu itu, turut dilancarkan enam lagi buku terbitan Penerbit UMP.

Majlis yang berlangsung di

Perpustakaan UMP Kampus Pekan turut dihadiri Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automatif, Profesor Dr Mahadzir Ishak.